

Latihan *Fire Drill* Bersama Bomba dan Penyelamat Cawangan Kota Kinabalu.

Oleh: Dg.Intan
Awang. Jamudin

Fire Drill atau Latihan Kebakaran adalah antara langkah persediaan yang penting untuk mempersiapkan pelajar, pensyarah dan kakitangan sekolah apabila menghadapi keadaan sebenar semasa kebakaran. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) SSMP yang diketuai oleh En. Muhin Haji telah mendapat kerjasama penuh En. Haji Salleh Abdullah (*Health and safety officer*) daripada Syarikat Asli Jati, Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Kota Kinabalu, Bahagian Keselamatan Universiti Malaysia Sabah dan Persatuan Mahasiswa SSMP telah berjaya mengadakan satu

latihan kebakaran pada bulan 22hb Disember 2011.

Pasukan Bomba yang dianggotai oleh 6 orang pegawai setelah menerima panggilan telefon daripada Bahagian Keselamatan, UMS. Pihak bomba juga mengadakan demonstrasi memadam api, yang turut disertai oleh pensyarah dan pelajar.

Sekali lagi... Tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Keselamatan Perkerjaan SSMP yang dipengerusikan oleh Prof. Madya. Dr. Sharifuddin Md. Shaarani.

Seterusnya kepada urusetia Jawatankuasa Keselamatan Makmal iaitu Encik Muhin Haji atas komitmen dan kesungguhan beliau bagi memastikan latihan kebakaran ini berjalan dengan lancar. Tidak Lupa juga kepada Tuan Haji Salleh bin Abdullah selaku *coordinator* dalam menjayakan latihan kebakaran ini, Pasukan Bomba yang telah menjalankan tugas yang cemerlang dan pantas, wakil keselamatan En. Garden Lazarus, pensyarah, kakitangan, pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan latihan kebakaran pada tahun 2011 ini.